

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16/ 3 / 2008

Samy Vellu mahu bina semula MIC

KUALA LUMPUR 15 Mac - Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, fokus utama beliau kini ialah untuk menyatupadukan masyarakat India dan memantapkan semula parti yang sudah berusia 62 tahun itu.

Beliau percaya MIC akan dapat meraih semula sokongan masyarakat India dan terus menjadi 'suara' kepada komuniti itu.

"Segalanya belum berakhir, masih belum terlambat. MIC boleh memulakan lembaran yang baru," katanya di sini hari ini.

Samy Vellu berkata, masyarakat India perlu mengetepikan sebarang perbezaan pendapat dan lebih ramai golongan muda diseru untuk menyertai MIC.

Tambahnya, MIC mahu menarik kira-kira 300,000 golongan belia di kalangan masyarakat India untuk

menyertai parti itu.

Beliau berkata, untuk tujuan itu, Pergerakan Pemuda, Puteri dan Putera MIC akan diperkuatkan dan diberi tanggungjawab untuk menarik golongan muda.

Samy Vellu berkata, walaupun semangat segelintir calon MIC yang bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-12, Sabtu lalu terjejas sedikit ekoran kekalahan teruk parti itu, tetapi ia masih kuat.

"Kami perlu membina semula parti dan membawa masuk generasi muda yang akan mengambil alih kepimpinan pada suatu hari nanti," katanya.

Menurut Samy Vellu, walaupun kebanyakan pemimpin kanan parti itu gagal mempertahankan kerusi masing-masing pada pilihan raya umum lalu tetapi mereka akan tetap



S. SAMY VELLU

bersama MIC untuk membangunkan semula parti tersebut.

"Kami tetap komited seperti dahulu dalam memastikan masa depan yang lebih cerah bagi masyarakat India," katanya.